

Ubah mentaliti takut derma organ

Kisah suka duka Tee Hui Yee bukti batas kaum, agama bukan penghalang

KIRA-KIRA setahun lalu, gadis kecil molek itu cukup petah berkata-kata walaupun agak malu apabila dikelilingi wartawan. Wajahnya tidak pernah lekang mengukir senyuman manis apabila bertemu sesiapa saja. Ketabahan hati remaja baru berusia 14 tahun itu menghancurkan liku hidup sebagai pesakit jantung, sememangnya mengagumkan.

Itu cerita dulu ketika Tee Hui Yee mendapat jantung mekanikal untuk memantunya meneruskan hidup selama kira-kira dua tahun sehingga bertemu penderma budiman yang sanggup mendermakan jantungnya.

Setiap hari yang berlalu, keceriaan wajah Tee yang mengalami jangkitan kuman menyebabkan jantungnya gagal berfungsi seperti biasa, semakin pudar. Harapan yang diletakkan seakan hanya tinggal harapan. Beratnya susut sehingga 30 kilogram, terlalu kurus untuk remaja seusianya.

Kesihatannya yang semakin terjejas teruk, memaksa Institut Jantung Negara (IJN) mengadakan sidang akhbar khas 29 September lalu untuk sekali lagi merayu orang ramai sudi kiranya mendermakan jantung mereka buat remaja malang itu.

Linangan air mata Tee yang terparap di dada akhbar menyentuh hati kecil rakyat Malaysia yang turut sama bersimpati dan sedih dengan nasib dirinya.

Hanya empat hari paparan kisahnya menjadi wadah media, Tee menerima perkhhabaran gembira apabila keluarga seorang remaja Melayu berusia 15 tahun dari Sitiawan, Perak, membenarkan jantung anaknya didermakan kepada Tee untuk meneruskan hidup.

Remaja lelaki yang identitinya dirahsiakan atas permintaan waris, meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya Rabu lalu. Beliau disahkan 'mati otak' tetapi organ dalam badannya masih dalam keadaan baik.

Namun takdir Tuhan mengatasi segala-galanya. Tee sekali lagi terpaksa menjalani pembedahan pemindahan jantung buat kali kedua dalam tempoh kurang 24 jam apabila badannya menolak jantung sebelum itu.

Mujur, dalam tempoh itu ada seorang lagi rakyat Malaysia budiman sanggup mendermakan jantung anaknya berusia 20

tahun yang meninggal akibat kemalangan dari Johor Bahru, kepada Tee.

Sehingga semalam, Tee masih ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan berada dalam keadaan kritikal tetapi stabil. Kita berharap anak muda itu akan dapat terus menikmati kehidupan ini.

Tee adalah cebisan kisah gembira di sebalik lautan duka bagi pesakit yang menunggu ihsan orang ramai untuk menderma organ.

Dalam tempoh sebulan ini, lima pesakit meninggal dunia ketika menunggu derma organ yang tidak kunjung tiba. Mengikut statistik Pusat Sumber Transplan Nasional (PSTN), sehingga kini 6,548 pesakit kritikal di seluruh negara masih menunggu dan mengharapkan simpati orang ramai untuk menderma organ seperti buah pinggang, jantung dan paru-paru untuk meneruskan kehidupan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek turut melahirkan rasa kesal kerana walaupun banyak kemalangan maut setiap tahun, jumlah organ yang diselamatkan untuk didermakan terlalu sedikit berikutan bantahan keluarga yang enggan mendermakan organ mangsa.

Kira-kira 1,500 mangsa kemalangan mengalami koma dan 'kematian otak' setiap tahun dan mereka adalah kumpulan sumber organ yang diperlukan penerima. Na-



Tee Hui Yee

mun, kebanyakannya tidak dapat didermakan berikutan tentangan keluarga yang enggan membenarkan organ mangsa di gunakan orang lain.

Sememangnya memperkatakan mengenai pendermaan organ bukanlah satu perkara yang mudah di negara ini. Ini memandang kesedaran dan kefahaman masyarakat berkaitan pendermaan organ masih lagi rendah walaupun ia sebenarnya adalah satu isu global.

Sehingga Jun 2007, seramai 108,000 rakyat Malaysia berikrar menderma organ mereka apabila meninggal kelak. Daripada jumlah itu, Melayu hanya mewakili 12 peratus-jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum lain seperti Cina iaitu 62 peratus dan India (23 peratus).

Kebanyakan pesakit yang menunggu organ adalah Melayu. Polemik bahawa 'mayat akan terseksa dan tidak lengkap untuk kembali mengadap Ilahi jika organ mereka diambil' seharusnya tidak berlaku. Sejak Jun 1970 lagi fatwa sudah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan - harus bagi seorang Muslim mendermakan organ mereka dengan syarat manfaatnya lebih daripada mudarat dan mendapat keizinan si mati sebelum meninggal dunia.

Umat Islam tidak perlu ragu untuk menderma organ kerana amalan itu bukan saja diharuskan oleh syarak malah dipandang mulia dan wajar dicontohi.

"Umat Islam juga tidak harus bimbang organ yang didermakan sama ada diberikan kepada orang Islam atau bukan Islam kerana dalam ajaran Islam soal menyelamatkan nyawa manusia, perbezaan agama bukanlah halangan," kata Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz.

Ada daripada mereka yang sudah menandatangani untuk menderma organ tetapi apabila meninggal dunia keluarga pula membantah. Sehingga 31 Julai lalu, hanya 180 kes pendermaan organ dapat disempurnakan selepas kematian penderma. Bagaimana masyarakat Malaysia yang terkenal dengan keprihatinannya seolah meminggirkan konsep ini?

Malah bagi nisbah setiap juta penduduk, Malaysia mencatat jumlah terendah berbanding negara lain dengan mempunyai kurang daripada satu penderma sedangkan di Singapura mencatatkan lapan (8:1 juta),

Britain (12:1 juta) dan Sepanyol (35:1 juta).

Salah faham mengenai pendermaan organ ini juga wujud berikutan kebimbangan orang ramai bahawa doktor akan sambil lewa untuk menyelamatkan nyawa mereka kerana lebih berminat untuk mengambil organ mereka.

Hakikatnya, proses pendermaan organ tidak berlaku dengan mudah. Ia dilakukan mengikut prosedur yang sudah ditetapkan. Pengambilan organ hanya dibuat selepas segala usaha dilakukan untuk menyelamatkan nyawa pesakit tidak berjaya dan pesakit disahkan mati otak.

Seseorang yang mati otak perlu menggunakan mesin pernafasan dan sokongan ubatan bagi melengahkan pemberhentian denyutan jantung buat seketika. Bagaimanapun, denyutan jantung akan berhenti juga akhirnya walau dengan sebanyak mana sokongan yang diberikan. Apabila seseorang itu disahkan kematian otak, bermakna dia sudah meninggal dunia.

Pengesahan mati otak perlu dibuat dua doktor pakar bertauliah dan tidak mempunyai kaitan dengan pendermaan organ bagi mengelak ada sebarang bentuk kepentingan. Selepas keluarga pesakit bersestuju untuk mendermakan organ barulah proses pendermaan organ dilakukan.

Pembedahan akan dilakukan dengan penuh prihatin dan rasa hormat seperti pembedahan kepada orang yang masih hidup.

Masyarakat tidak boleh dipaksa untuk menderma organ, namun kesedaran mungkin dapat mengubah mentaliti masyarakat yang seakan terlalu takut menerima konsep ini.

Kita berharap kes Tee menjadi titik permulaan untuk pendermaan organ terus subur di negara ini.

Kerajaan terutama Kementerian Kesihatan perlu mempromotikan lagi kempen promosi dan kesedaran mengenai kepentingan pendermaan organ.

Bagi pihak yang menjaga hal ehwal agama Islam sama ada agensi kerajaan mahu pun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu tampil dengan lebih agresif memberi pendidikan kepada umat Islam bahawa pendermaan organ tidak melanggar syariat Islam sebaliknya harus dilakukan seperti yang digalakkan sendiri dalam agama supaya kita melakukan kebajikan demi kesejahteraan manusia.